

# Analisis Semiotik Peribahasa Banjar Bersumberkan Ular (Serpentes)

(Semiotics Analysis of Banjar Proverbs Related to the Snake (Serpentes))

Muhammad Zaid Daud<sup>1, a)</sup>, Nurfatim Hanani Wahap<sup>1, b)</sup> dan Muhammad Nurikhwan Lokman<sup>1, c)</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak..

<sup>a)</sup>Corresponding author: zaid\_daud93@yahoo.com

<sup>b)</sup>athinhoney95@gmail.com

<sup>c)</sup>ikhwanbolok95@yahoo.com

**Abstrak.** Kajian ini akan berpandukan kerangka semiotik oleh Pierce (1965) dalam menganalisis peribahasa masyarakat Banjar. Sejumlah tiga data telah diperoleh melalui Ayuhak Bapandik – Supaan Bapandir Bahasa Rangkai, Kada Bapandir Bahasa Pupus yang bersumberkan ular (Serpentes). Hasil kajian mendapati bahawa, perlambangan ular dalam peribahasa masyarakat Banjar merujuk kepada aspek kelemahan berdasarkan makna harfiah peribahasa tersebut dan disokong menggunakan pendekatan semiotik Pierce (1965). Oleh hal demikian, kajian ini mampu menghuraikan pertalian antara pemikiran dan perlambangan yang digunakan oleh masyarakat Banjar dan seterusnya menjawab persoalan tentang lambang ular dalam peribahasa Banjar ini.

**Kata Kunci**— semiotik; peribahasa; masyarakat Banjar; haiwan; ular (Serpentes)

**Abstract.** This study will use the semiotic framework by Pierce (1965) in analysing the Banjar proverbs. A total of three data has been obtained through *Ayuhak Bapandik – Supaan Bapandir Bahasa Rangkai, Kada Bapandir Bahasa Pupus* related to the snake (Serpentes). The findings show that the snake representation in the Banjar proverb refers to the aspect of weaknesses based on the literal meaning of the proverb and supported by the Pierce semiotic approach (1965). Therefore, this study is able to elaborate the relationship between the thinking and symbolism used by the Banjar community and answering the question on the use of snake symbol in this Banjar proverb.

**Keywords**— semiotic; proverbs; Banjar community; animal; snake (Serpentes)

## PENGENALAN

Pengkajian bidang semiotik tidak terbilang kajiannya dan mencakupi pelbagai bidang sama ada dijalankan oleh sarjana dalam negara mahupun luar negara. Contohnya, kajian Muhammad Zaid Daud [22] yang memfokuskan kajian kepada semiotik dalam persembahan hadrah di negeri Sarawak. Kajian Hirsch & Bajpai [11], Randviir [26], Timmermans [32], Setiyawan [28], Sew [29] serta Ani Diana [4] pula telah memfokuskan kajian semiotik terhadap cerpen/novel. Terdapat juga kajian semiotik dijalankan terhadap iklan seperti kajian Karimi Firouzjai &